

UPM melonjak 43 anak tangga dalam Ranking Universiti Asia 2020

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) melonjak 43 anak tangga dalam Time Higher Education (THE) Asia University Rankings 2020, lonjakan tertinggi dalam kalangan universiti Malaysia.

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Aini Ideris dalam kenyataan semalam berkata pencapaian itu meletakkan universiti berkenaan pada kedudukan ke-145 berbanding 188 pada tahun lepas.

Menurutnya, penilaian THE Asia University Rankings mengambil kira lebih daripada 60 peratus indikator kualiti penyelidikan dan penyelidikan berimpak berbanding penilaian ranking lain yang lebih tertumpu

kepada kajian reputasi sesebuah universiti.

“Ini sekaligus mengiktiraf kedudukan UPM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang tersohor dan bertaraf antarabangsa,” katanya.